

Kerap kena buli di sekolah

BH - 21/4/2007.

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin

SIKAPNYA begitu komited dan kuat bekerja sejak usia muda sehingga mencecah usia 64 tahun memberi satu kepuasan tersendiri kepada Pengerusi MMC Oil & Gas Engineering Sdn Bhd, Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin.

Beliau tidak betah duduk di rumah untuk berehat tanpa melakukan sebarang kerja. Sikapnya suka bekerja dan tidak boleh duduk diam menyebabkan isterinya, kadang kala membebel.

"Kesibukan saya menyebabkan isteri saya, Datin Rusila Abd Razak mahu kembali bekerja sebagai peguam untuk memenuhi masa dan menghilangkan kebosanan duduk di rumah. Maklumlah, kesemua empat anak saya sudah besar dan sibuk dengan keluarga sendiri," katanya.

Anak bongsu beliau sibuk dengan pelajaran untuk menghadapi peperiksaan dan kurang masa untuk melayan ibunya. Cucu juga masing-masing sibuk dengan aktiviti sendiri.

"Selepas bersara, saya memang tidak boleh duduk di rumah. Lagipun, saya rasa puas apabila masa dipenuhi dengan kesibukan bekerja.

"Mungkin bagi orang lain ia satu tekanan, sebaliknya bagi saya ia satu kepuasan yang boleh mengembirakan saya," katanya tertawa.

Dr Ahmad Zaidee berkata, walaupun usianya sudah dianggap tua dan sering dinasihati anak-anak agar berehat di rumah selepas bersara, beliau merasakan belum puas untuk berbakti dan mencurahkan ilmu yang dimilikinya kepada masyarakat.

"Saya yakin bahawa sekarang saya lebih sihat daripada dulu dan lebih bersemangat untuk terus bekerja dan mencurahkan bakti kepada masyarakat. Saya juga banyak melihat orang di sekeliling saya yang masih aktif, walaupun sudah di usia persaraan. Salah seorang yang saya ambil sebagai contoh ialah Tan Sri Arshad Ayob yang lebih tua daripada saya.

"Saya lihat orang yang aktif ini, Allah beri kesihatan yang baik, sebab sentiasa berfikir dan ligat bekerja," katanya.

Menceritakan keperibadian dirinya, sambil bersyukur terhadap corak pendidikan yang dicurahkan ibu bapanya ketika kecil, beliau berkata, ketika usianya sudah lanjut baru beliau sedar mengenai kebaruan kata-kata bapanya yang bertegas mahukan beliau menceburi bidang profesional.

"Ketika kecil ayah mendorong saya meneruskan pengajian dalam bidang profesional yang menjanjikan masa depan dan prospek hidup yang baik. Bidang profesional juga diperlukan di mana-mana dan skop pekerjaan juga luas.

"Entah bagaimana, dalam banyak

Dr Ahmad Zaidee tidak suka paksa anak laksana kehendak keluarga

bidang profesional lain, saya memilih untuk mencuba dalam kejuruteraan. Pada masa itu, minat dalam bidang ini belum ada. Tetapi, kini saya bersyukur dan sadar akan kelebihan dan keuntungan menceburi bidang ini kerana banyak peluang tersedia," katanya.

Mengingati semula zaman kecilnya, anak ketujuh daripada 10 adik-beradik ini mengakui, kini baru dia menyedari banyak perkara mengenai apa yang dilakukan bapanya dalam membesarkan mereka adik-beradik sehingga mampu memperoleh kesenangan dan kemewahan seperti sekarang.

"Allahyarham ayah saya, kehilangan ibu bapa ketika berusia enam tahun. Justeru, apabila dewasa dan mengambil keputusan mengakhiri zaman bujang serta menjadi bapa, beliau banyak membaca buku motivasi dan cara mendidik anak.

"Menceburi banyak bidang dalam satu masa termasuk perniagaan, pendidikan, pengurusan, persatuan dan sebagainya memberi saya kepuasan hidup sebenar"

Dr Ahmad Zaidee Laidin
Pengerusi MMC Oil & Gas Engineering Sdn Bhd


"Mungkin disebabkan kebanyakan buku dibaca adalah buku dari Barat, corak pemikiran dan didikannya terhadap kami 10 beradik juga lebih terbuka dan banyak terpengaruh dengan Barat.

"Namun, apabila sudah tua saya melihat ia satu kelebihan buat kami kerana dididik dengan cara moden. Rakan di sekolah juga agak pelik melihat hubungan saya dan bapa begitu akrab kerana di kalangan orang dulu, anak agak takut pada bapa.

"Malah, ada yang nak bercakap dengan bapa pun takut," katanya yang mempunyai prinsip sendiri dalam mendidik anak-anak.

Pada pendapatnya, anak tidak boleh dipaksa melakukan apa yang disukai ibu bapa kerana dikhuatiri akan meninggalkan kesan tidak baik terhadap mereka apabila dipaksa melakukan perkara tidak diminati.

"Saya tidak suka paksa mereka (anak) buat sesuatu yang mereka tidak minat. Tetapi sebenarnya,



ZOYI BERITA HARIAN

walaupun kita rasa kita tidak paksa, kita tidak sedar sebenarnya wujud unsur paksaan itu.

"Sebagai contoh, adik saya yang bekerja sebagai kaunselor pernah melakukan ujian psikologi pada anak saya dan keputusan ujian itu menunjukkan anak saya cenderung pada muzik. Pada hal, setiap kali melihat keputusan peperiksaannya cemerlang, saya fikir dia boleh ikut jejak langkah saya dalam bidang kejuruteraan.

"Di sini mungkin saya tersilap sedikit kerana membimbingnya ke arah yang dia tidak minat. Namun, selepas mengetahui kecenderungannya, saya tidak menghalang minatnya dalam bidang muzik dan dia kini sibuk dengan kerjanya dalam bidang itu," katanya.

Menceritakan zaman persekolahannya, datuk kepada tiga cucu ini berkata, fizikalnya yang kecil di waktu sekolah menyebabkannya sering menjadi mangsa buli rakan

sekelas di sekolah sehingga kadang kala mengalami sedikit tekanan.

"Tapi, walaupun kecil dan sering dibuli, otak pandai, guru pun sayang. Mungkin disebabkan itu, dari sekolah Melayu di kampung saya kemudian berpeluang melangkah ke sekolah Victoria Institution," ujarnya.

Mengambil pepatah "alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan" sebagai prinsip hidup, selain pegangan untuk

PROFIL

Datuk Ir Dr Ahmad Zaidee Laidin

Tarikh Lahir: 1 April 1943 (64)

Asal: Kuala Kangsar, Perak

Isteri: Datin Rusila Abd Razak

Umur: 59

Anak: Empat orang

- Musa Zahidin, 30

- Zaki Azzudin, 27

- Zaim Mujahidin, 24

- Najwa Amira, 16

Cucu: Tiga orang

Pendidikan:

- Diploma Kejuruteraan Elektrik, Kolej Teknologi Brighton, United Kingdom 1966

- Sarjana Sains Ekonomi Teknologi (Pengurusan dan Sains Perindustrian) dari Stirling, Scotland, United Kingdom 1974

- Doktor Falsafah dari Universiti of Stirling, Scotland UK (1996)

Pekerjaan:

- Pengerusi MMC Oil & Gas Engineering Sdn Bhd

- Pengarah MMC Corporation Berhad (2002- sekarang)

- Pengarah Gamuda Berhad

- Pengarah EON Berhad (2002- sekarang)

- Pengarah Meteor Sdn Bhd

- Naib Canselor dan Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada 1994 hingga 2001

- Timbalan Pengurus Besar TNB (Perkhidmatan Korporat) 1992

Pencapaian:


- Darjah KMN 1982

- Darjah Kebesaran Negeri Perak 1995

- Panglima Jasa Negara (PJN) 1999

tidak mudah berputus asa nyata meninggalkan kesan yang baik pada kehidupan lelaki yang berasal dari Kuala Kangsar, Perak dan sangat mesra serta mudah tersenyum ini.

"Itulah. Sepanjang hidup, saya tidak pernah berputus asa. Walau sesukar manapun perkara yang kita lakukan itu, sekali sudah memulakannya, jangan sekali-kali kita berpatah semula. Teruskan hingga ia selesai," tambahnya penuh bersemangat.



BERJALAN LANCAR: Zaidee menunjukkan isyarat 'bagus' ketika meninjau kerja menyiapkan projek Smart's Tunnel, baru-baru ini.



AMBIL TAHU: Zaidee (kanan) berbincang dengan Ketua Pegawai Eksekutif MMC, Shaharel Shafiei (tengah) sambil dibantu Fatimah Rani.

MOHD YUSNI ARIFFIN | BERITA HARIAN